

## **Petisyen Kepada DYMM Yang Dipertuan Agong**

**Petisyen kepada DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Al-Wathiqu Billah Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Al-marhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah daripada keluarga simati Kugan a/l Ananthan, Ahli-Ahli Parlimen Pakatan Rakyat, Human Rights Party, dan Masyarakat Sipil.**

Kami dengan segala hormatnya dan rendah hati ingin memaklumkan kepada DYMM Yang Dipertuan Agong seperti berikut :-

1. Pada 20.1.2009, seorang rakyat DYMM Tuanku bernama Kugan a/l Ananthan mati dalam tahanan polis.
2. Terdapat luka-luka akibat diseksa dan dipukul dengan teruk pada badan Kugan a/l Ananthan.
3. Daripada mulanya kes ini, Polis Diraja Malaysia dan terutamanya Ketua Polis Selangor telah cuba “cover-up” kes pembunuhan Kugan a/l Ananthan.
4. Laporan bedah siasat kedua yang dilakukan oleh Pusat Perubatan Universiti Malaya yang dikeluarkan pada 2.3.2009 membuat kesimpulan bahawa Kugan a/l Ananthan mati akibat dipukul (acute renal failure due to rhabdomyolysis due to blunt trauma to skeletal muscles)
5. Kes pembunuhan ini telah mendapat perhatian yang luas dikalangan rakyat DYMM Tuanku disebabkan kecederaan yang amat teruk yang telah dialami oleh Kugan a/l Ananthan. Gambar-gambar yang menunjukkan badannya yang diseksa teruk juga telah disebarluaskan luas termasuk dalam media internet.
6. Salinan laporan post-mortem telah diserahkan kepada Ketua Bahagian Pendakwaan, Jabatan Peguam Negara seawal 4.3.2009 untuk tindakan pendakwaan sewajarnya.

7. Walaubagaimanapun, sehingga hari ini tidak ada apa-apa tindakan yang diambil oleh pihak Peguam Negara ataupun pihak polis ataupun pihak Kerajaan ke atas mana-mana pihak yang terlibat dalam pembunuhan Kugan a/l Ananthan.
8. Ibu mendiang Kugan a/l Ananthan, Puan Indra a/p Nallathamby serta keluarganya telah dikecewakan oleh kesemua institusi-institusi Negara yang sepatutnya memberi keadilan mereka.
9. Kami juga ingin membawa kepada perhatian DYMM Tuanku bahawa kekerapan insiden kekejaman polis dan badan penguatkuasaan lain telah mencapai tahap yang amat membimbangkan rakyat. Antara Kes-kes yang terbaru adalah kes B.Prabakar yang diseksa dengan air panas oleh pihak polis, Adi Anuar bin Mansor, Teoh Beng Hock, P.Gunasegaran dan T.Sivanesan. Antara tahun 2003 hingga 2007 terdapat 85 kes kematian dalam tahanan polis menurut statistik Kementerian Dalam Negeri. Hampir kesemua kes kematian dalam tahanan tidak disiasat punca serta diambil tindakan mengikut lunas undang-undang.
- 10.KAMI MEMOHON agar ke bawah DYMM Tuanku akan menggunakan kuasa Tuanku dibawah Perlembagaan Persekutuan Malaysia untuk:-
  - i) Menyingkirkan Peguam Negara Tan Sri Abdul Gani Patail daripada jawatannya sebagai Peguam Negara menurut fasal 145 (5) Perlembagaan Persekutuan.
  - ii) Menubuhkan suatu Suruhanjaya Diraja bagi memastikan keadilan bagi mendiang Kugan a/l Ananthan serta keluarganya dan menyiasat percubaan “cover-up” pembunuhan ini oleh Polis Diraja Malaysia.